

Tahap Penerimaan Terhadap Aktiviti-Aktiviti Masyarakat Islam Dalam Kalangan Masyarakat *Non-Muslim* Di Selangor

Syarul Azman Shaharuddin
syarulazman@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah
yusufmarlon@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Sahlawati Abu Bakar
sahlawati@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Noor Amani Mohamed Hussin
amanihussin@gmail.com
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

Normazlina Ismail
cikputeh_mazlina@yahoo.com
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

Nursabila Ramli
nursabila88@gmail.com
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

Nurhazyyah Nural Anuar
nurhazyyah@gmail.com
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Siti Khaulah Binti Mohd Hamzah
khaulah9522@gmail.com
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian ini ingin melihat sejauh mana penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam di Malaysia. Seramai 325 responden yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan penerimaan responden *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam ialah 3.09. Hal ini bermakna penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam berada pada tahap yang tinggi. Item dengan min tinggi ialah berkenaan responden suka mendengar cerita daripada kawan-kawan Melayu tentang Islam, suka memakai pakaian orang Melayu, suka membeli binatang sembelihan orang Melayu, masyarakat Melayu menggambarkan imej Islam yang sebenar, suka bergaul dengan masyarakat Melayu, masyarakat Melayu suka memberikan bantuan

kepada *non-Muslim*, kerjasama program antara masyarakat Muslim dengan *non-Muslim*, penganjuran program berbentuk keagamaan untuk memberikan kefahaman kepada *non-Muslim* tentang Islam, suka cara orang Melayu mengadakan urusan jual beli dan tertarik dengan cara orang Melayu berinteraksi dengan *non-Muslim*. Manakala, item dengan min sederhana ialah berasa terganggu dengan suara azan dan aktiviti ceramah di masjid berdekatan, kesesakan jalan raya disebabkan oleh solat Jumaat, suka tinggal di sekitar masjid, suka membaca tentang Islam, suka menonton atau mendengar ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di televisyen atau radio, suka mendengar ayat-ayat al-Quran di masjid dan masyarakat Islam suka memberikan bahan-bahan bacaan berkaitan Islam.

Kata kunci: Penerimaan, *non-Muslim*, Aktiviti Masyarakat Islam.

The Level of Acceptance of Muslim's Activity Among Non-Muslims in Selangor

ABSTRACT

This research wanted to see the acceptance of non-Muslims in Selangor toward Muslim's activity in Malaysia. There are 325 respondents with different races and religions involved in this study. Result shows that the total min of the acceptance of non-Muslims in Selangor toward Muslim's activity is 3.09. This means the total min for acceptancy of non-Muslims in Selangor toward Muslim's activity is high. Items with high min are, respondents like to hear the stories of Islam from their Malay's friend, they like to wear Malay clothing, they also like to buy meat from the Malays, the Malays portrayed the right image of Islam, respondents like to blend in with the Malays, the Malay like to give helps to non-Muslims, program cooperation between Muslims and non-Muslims, organized programs to educate the non-Muslims about Islam, like the way Malay doing their transactions of buying and selling and attracted to the way Malays interact with non-Muslims. While items with average min are they feel disturbed with the voice of azan and religious talk from the nearest mosque, traffic jam because of Friday prayers, like to live near the mosque, like to read about Islam, like to watch or listen to religious talk on television or radio, like to listen to Quran verses from the mosque and Muslims like to give any reading material related to Islam.

Keywords: Acceptance, non-Muslims, Muslim's Activity.

Received: 30 November 2018

Accepted: 24 Disember 2018

Online Published: 31 Disember 2018

PENDAHULUAN

Menurut kamus dewan edisi yang keempat, penerimaan bererti perihal iaitu perbuatan menerima, penyambutan, sambutan, penilaian, penghargaan, keizinan, kebenaran, sikap terhadap, anggapan terhadap dan juga tanggapan. Manakala penerimaan disebut sebagai '*acceptance*' di dalam Bahasa Inggeris. Menurut *Cambridge Dictionary*, penerimaan disebut sebagai '*general agreement that something is satisfactory or right*' iaitu persetujuan terhadap sesuatu yang memuaskan dan benar, atau '*the act of agreeing to an offer, plan or invitation*' iaitu perbuatan menerima terhadap sesuatu tawaran, perancangan atau jemputan, atau '*the fact of accepting a difficult or unpleasant situation*' iaitu penerimaan terhadap

situasi yang sukar. Definisi lain penerimaan merupakan sikap seseorang yang menerima orang lain apa adanya secara keseluruhan, tanpa disertai sebarang syarat atau penilaian. Oleh itu, di dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat sikap masyarakat *non-Muslim* dalam menerima aktiviti-aktiviti masyarakat Islam di negara kita, Malaysia.

Rentetan daripada definisi penerimaan di atas, pengkaji tertarik dengan sebuah artikel yang disiarkan oleh SBS Australia berjudul '*A non-Muslim in a Muslim country: How I remember Malaysia*'. Ianya berkenaan pengalaman seorang *non-Muslim* berasal daripada India dan menganut agama Katolik yang tinggal di negara Islam iaitu Malaysia. Penulis artikel iaitu Sharon Verghis (2017) menceritakan zaman kanak-kanaknya yang mendengar azan Subuh yang merdu setiap hari dan menganggap azan Subuh itu seperti jam loceng baginya. Penulis juga menyebut bahawa di Malaysia, semua kaum tinggal sebumbung dengan aman dan harmoni di mana pada setiap perayaan, penulis dan rakan-rakan akan ziarah-menziarahi antara satu sama lain. Pada setiap Sabtu pagi, penulis dan kakaknya akan belajar untuk membaca Jawi dengan ustaz yang datang ke rumah. Manakala, pada bulan puasa, penulis akan menghormati masyarakat Islam di sini yang berpuasa untuk tidak makan di hadapan mereka. Malah, keluarga penulis juga memakai baju kurung sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Pengalaman indah yang diceritakan penulis sepanjang beliau tinggal di Malaysia menunjukkan bahawa penerimaan baik berlaku oleh masyarakat *non-Muslim* di Malaysia terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam sejak daripada zaman 70-an lagi.

Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat sikap masyarakat *non-Muslim* zaman kini, adakah penerimaan masyarakat *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam pada abad ke-21 ini masih sama dengan penerimaan masyarakat puluhan tahun yang lalu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penerimaan dakwah yang berlaku dalam konteks masyarakat di Malaysia sememangnya mendapat respons yang positif dan juga negatif. Bro. Jeffly di dalam temubualnya bersama Tan (2018) mengatakan bahawa masyarakat *non-Muslim* yang faham akan Islam dan menerima Islam itu adalah berbeza. Masyarakat *non-Muslim* yang faham Islam belum tentu boleh menerima Islam dan masyarakat *non-Muslim* yang menerima Islam belum tentu faham akan Islam.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Mohd Faridh Hafez Mhd Omar dan Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2018) di dalam hasil kajian mereka yang bertajuk "Sumbangan Organisasi Cina-Muslim di dalam Keharmonian Beragama di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan dan cabaran PERKIM dan MACMA, pelbagai cabaran yang telah dihadapi oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) semasa menjalankan aktiviti dakwah terhadap *non-Muslim* terutamanya kaum Cina di Malaysia. Antaranya *non-Muslim* menganggap hak mereka terhadap ekonomi, politik dan sosial dirampas apabila nilai-nilai Islam diterapkan sebagai alat penyatuan antara kaum. Selain itu, tidak banyak usaha yang dilakukan oleh organisasi dalam memberikan penjelasan tentang ajaran Islam yang sebenar. Maklumat berkenaan status bukan Muslim juga tidak diterangkan secara jelas terutamanya merangkumi aspek hak *non-Muslim* sebagai warganegara, pembayar cukai, pemimpin atau rakyat daripada perspektif Islam. Malahan, perbalahan politik antara UMNO dan PAS yang tidak berkesudahan telah mengheret isu agama Islam yang mengakibatkan timbulnya salah faham dalam kalangan *non-Muslim*.

Kajian Nur Atiqah Mohd Yusuf (2018) pula menunjukkan dari sudut penerimaan mahasiswa *non-Muslim* terhadap dakwah di IPT sekitar Kedah mendapat min sederhana iaitu 2.84. Rata-rata responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Merbok bersikap tidak pasti terhadap suara azan yang dilaungkan, aktiviti ceramah di masjid, kesesakan jalan raya pada hari Jumaat, tinggal berdekatan masjid, pembacaan berkenaan Islam, mendengar cerita tentang Islam, menonton dan mendengar rancangan berkaitan Islam, membeli sembelihan orang Melayu, mendengar ayat-ayat al-Quran, gambaran imej mahasiswa Muslim dengan Islam yang sebenar dan pemberian bahan-bahan bacaan Islam.

Manakala, kajian Mohd Fahmi Samshudin (2018) berkenaan penerimaan *non-Muslim* di Kuala Lumpur terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam di Malaysia mendapat purata min 3.10 iaitu tinggi. Responden menunjukkan bahawa suka membaca tentang Islam, suka mendengar cerita-cerita tentang Islam daripada kawan-kawan Melayu, suka memakai pakaian masyarakat Melayu, bersetuju bahawa masyarakat Melayu menggambarkan imej Islam yang sebenar, suka bergaul dengan masyarakat Melayu, setuju bahawa masyarakat Melayu suka memberi bantuan kepada golongan *non-Muslim*, setuju kerjasama program antara masyarakat Muslim dengan *non-Muslim* sering diadakan, bersetuju bahawa masyarakat Islam pernah menganjurkan program berbentuk keagamaan untuk memberikan kefahaman kepada Muslim tentang Islam, setuju bahawa mereka suka cara orang Melayu mengadakan urusan jual beli dan tertarik dengan cara orang Melayu berinteraksi dengan *non-Muslim*.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, kita dapat lihat bahawa terdapat penerimaan positif dan negatif masyarakat *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam. Hasil daripada kajian ini sedikit sebanyak akan membantu untuk meningkatkan kerja dakwah Islam serta memperlihatkan realiti hubungan masyarakat *non-Muslim* dan Islam di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menghuraikan data secara deskriptif mengenai penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam.
2. Menganalisis hasil kajian penerimaan *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dan dianalisis menggunakan kaedah analisa statistik deskriptif bagi mengetahui penerimaan *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam. Bagi mengumpulkan data dalam kajian, instrumen yang digunakan ialah set soal selidik. Satu set soal selidik disediakan mengandungi 11 dan 19 soalan bagi 325 orang responden. Menurut Sekaran, Uma (2003) metode soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan pengukuran terhadap sesuatu perkara seperti pengetahuan, sikap, kefahaman, penglibatan dan sebagainya. Malah, ianya bersifat praktikal dan berkesan dalam mengawal jumlah sampel kajian yang besar. Semua soalan yang dibentuk adalah dengan menggunakan skala pengukuran Likert dalam mengukur penerimaan *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam yang mempunyai lima skala

iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Manakala, populasi kajian pula merupakan masyarakat *non-Muslim* di negeri Selangor yang terdiri daripada penganut agama Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, animisme dan atheis.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Berikut merupakan jadual yang merangkumi latar belakang responden kajian seperti berikut:

Jadual 1: Demografi Responden

| Item | | Kekerapan (F) | Peratus (%) |
|------------------|-----------------------|---------------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 193 | 59.4 |
| | Perempuan | 132 | 40.6 |
| Umur | <18 | 58 | 17.8 |
| | 19-25 | 136 | 41.8 |
| | 26-30 | 67 | 20.6 |
| | 31-40 | 32 | 9.8 |
| | >41 | 32 | 9.8 |
| Tahap Pendidikan | Tiada Pendidikan | 25 | 7.7 |
| | Sekolah Rendah | 43 | 13.2 |
| | PMR | 31 | 9.5 |
| | SPM/STPM | 76 | 23.4 |
| | Diploma/ Sarjana Muda | 138 | 42.5 |
| | Sarjana/PhD | 12 | 3.7 |
| Bangsa | Cina | 144 | 44.3 |
| | India | 147 | 45.2 |
| | Orang Asli | 2 | .6 |
| | Etnik Sabah | 3 | .9 |
| | Etnik Sarawak | 1 | .3 |
| | Lain-lain | 28 | 8.6 |
| Agama | Kristian | 54 | 16.6 |
| | Hindu | 140 | 43.1 |
| | Sikh | 2 | .6 |
| | Buddha | 116 | 35.7 |
| | Animisme | 2 | .6 |
| | Atheis | 11 | 3.4 |

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini melibatkan seramai 325 orang responden yang terdiri daripada 193 orang lelaki dan 132 orang perempuan. Majoriti daripada responden adalah berumur 19-25 tahun iaitu sebanyak 136 orang (41.8%) dan diikuti 26-30 tahun iaitu seramai 67 orang (20.6%). Dari sudut tahap pendidikan, kebanyakan responden memegang diploma/ijazah iaitu 138 (42.5%) kemudian diikuti SPM/STPM dengan 76 (23.4%). Bagi bangsa pula, bangsa India mendahului dengan 147 orang (45.2%) kemudian bangsa Cina iaitu 144 orang (44.3%). Manakala, mengikut agama, Hindu mendahului dengan 140 (43.1%), kemudian Buddha dengan 116 (35.7%), Kristian dengan 54 (16.6%), ateis 11 (3.4%), Sikh dan animisme masing-masing berjumlah 2 (0.6%).

Analisis Statistik Deskriptif

Penerimaan *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam masing-masing melibatkan 11 dan 19 soalan yang diukur dengan menggunakan skala Likert iaitu dengan lima skala pengukuran (sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju). Bagi menilai tahap min setiap item yang dikaji maka jadual di bawah adalah interpretasi dapatan kajian untuk menggambarkan tahap min pembolehubah yang ingin dikaji:

Jadual 2: Analisis Min

| Skor Min | Tahap Min |
|-----------|---------------|
| 1.00-2.00 | Rendah |
| 2.01-3.00 | Sederhana |
| 3.01-4.00 | Tinggi |
| 4.01-5.00 | Sangat Tinggi |

Jadual 3: Penerimaan *Non-Muslim* Terhadap Aktiviti-Aktiviti Masyarakat Islam di Malaysia

| Bil. | Perkara | STS | TS | TP | S | SS | Min | Interpretasi |
|------|--|---------------|----------------|----------------|---------------|--------------|------|--------------|
| 1 | Suara azan di masjid berdekatan sering mengganggu tidur saya | 45 (13.8%) | 139 (42.8%) | 69 (21.2%) | 51 (15.7%) | 21 (6.5%) | 2.58 | Sederhana |
| 2 | Aktiviti ceramah yang dianjurkan oleh pihak masyarakat Muslim mengganggu hidup saya | 32 (9.8%) | 145 (44.6%) | 104 (32%) | 31 (9.5%) | 13 (4%) | 2.53 | Sederhana |
| 3 | Solat pada hari Jumaat menyebabkan kesesakan jalan raya | 30 (9.2%) | 98 (30.2%) | 87 (26.8%) | 85 (26.2%) | 25 (7.7%) | 2.93 | Sederhana |
| 4 | Saya suka tinggal di sekitar masjid | 23 (7.1%) | 77 (23.7%) | 172 (52.9%) | 41 (12.6%) | 12 (3.7%) | 2.82 | Sederhana |
| 5 | Saya suka membaca tentang Islam | 19 (5.8%) | 71 (21.8%) | 176 (54.2%) | 47 (14.5%) | 12 (3.7%) | 2.88 | Sederhana |
| 6 | Saya suka mendengar cerita-cerita dari kawan-kawan Melayu tentang Islam | 13 (4%) | 59 (18.2%) | 138 (42.5%) | 97 (29.8%) | 18 (5.5%) | 3.15 | Tinggi |
| 7 | Saya suka menonton ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di televisyen | 22 (6.8%) | 112 (34.5%) | 135 (41.5%) | 41 (12.6%) | 15 (4.6%) | 2.74 | Sederhana |
| 8 | Saya suka mendengar ceramah atau sebarang | 23 (7.1%) | 115 (35.4%) | 136 (41.8%) | 39 (12%) | 12 (3.7%) | 2.70 | Sederhana |

| rancangan berkaitan agama Islam di radio | | | | | | | | |
|--|---|--------------|---------------|----------------|----------------|---------------|------|-----------|
| 9 | Saya suka memakai pakaian masyarakat Melayu | 12 (3.7%) | 57 (17.5%) | 99 (30.5%) | 132 (40.6%) | 25 (7.7%) | 3.31 | Tinggi |
| 10 | Saya suka membeli binatang sembelihan orang Melayu | 29 (8.9%) | 43 (13.2%) | 120 (36.9%) | 110 (33.8%) | 23 (7.1%) | 3.17 | Tinggi |
| 11 | Saya suka mendengar ayat-ayat al-Quran di masjid | 26 (8%) | 86 (26.5%) | 143 (44%) | 57 (17.5%) | 13 (4%) | 2.83 | Sederhana |
| 12 | Masyarakat Melayu menggambarkan imej Islam yang sebenar | 11 (3.4%) | 45 (13.8%) | 131 (40.3%) | 115 (35.4%) | 23 (7.1%) | 3.29 | Tinggi |
| 13 | Saya suka bergaul dengan masyarakat Melayu | 11 (3.4%) | 21 (6.5%) | 66 (20.3%) | 175 (53.8%) | 52 (16%) | 3.73 | Tinggi |
| 14 | Masyarakat Melayu suka memberikan bantuan kepada golongan non-Muslim | 4 (1.2%) | 19 (5.8%) | 108 (33.2%) | 150 (46.2%) | 44 (13.5%) | 3.65 | Tinggi |
| 15 | Masyarakat Islam suka memberikan bahan-bahan bacaan berkaitan Islam kepada saya | 27 (8.3%) | 79 (24.3%) | 158 (48.6%) | 47 (14.5%) | 14 (10.5%) | 2.82 | Sederhana |
| 16 | Kerjasama program antara masyarakat Muslim dengan non-Muslim sering diadakan | 17 (5.2%) | 30 (9.2%) | 126 (38.8%) | 118 (36.3%) | 34 (3.4%) | 3.38 | Tinggi |
| 17 | Masyarakat Islam pernah menganjurkan program berbentuk keagamaan untuk memberikan kefahaman kepada non-Muslim tentang Islam | 15 (4.6%) | 65 (20%) | 152 (46.8%) | 72 (22.2%) | 21 (6.5%) | 3.06 | Tinggi |
| 18 | Saya suka cara orang Melayu mengadakan urusan jual beli | 6 (1.8%) | 32 (9.8%) | 98 (30.2%) | 160 (49.2%) | 29 (8.9%) | 3.54 | Tinggi |
| 19 | Saya tertarik dengan cara orang Melayu berinteraksi dengan non-Muslim | 15 (4.6%) | 22 (6.8%) | 88 (27.1%) | 165 (50.8%) | 35 (10.8%) | 3.56 | Tinggi |

| Min Keseluruhan | 3.09 | Tinggi |
|-----------------|------|--------|
|-----------------|------|--------|

Jadual 3 menunjukkan dapatan penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat di Malaysia. Nilai min keseluruhan penerimaan responden *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam ialah 3.09. Hal ini bermakna penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam berada pada tahap yang tinggi (rujuk analisis min pada Jadual 2).

Jika dilihat secara terperinci bagi setiap pernyataan penerimaan *non-Muslim* di Selangor terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam, ia menunjukkan sepuluh item berada pada tahap tinggi iaitu; Saya suka mendengar cerita-cerita dari kawan-kawan Melayu tentang Islam (min 3.15), Saya suka memakai pakaian masyarakat Melayu (min 3.31), Saya suka membeli binatang sembelihan orang Melayu (min 3.17), Masyarakat Melayu menggambarkan imej Islam yang sebenar (min 3.29), Saya suka bergaul dengan masyarakat Melayu (min 3.73), Masyarakat Melayu suka memberikan bantuan kepada golongan *non-Muslim* (min 3.65), Kerjasama program antara masyarakat Muslim dengan *non-Muslim* sering diadakan (min 3.38), Masyarakat Islam pernah menganjurkan program berbentuk keagamaan untuk memberikan kefahaman kepada *non-Muslim* tentang Islam (min 3.06), Saya suka cara orang Melayu mengadakan urusan jual beli (min 3.54) dan Saya tertarik dengan cara orang Melayu berinteraksi dengan *non-Muslim* (min 3.56).

Manakala sembilan item berada pada tahap sederhana iaitu; Suara azan di masjid berdekatan sering mengganggu tidur saya (min 2.58), Aktiviti ceramah yang dianjurkan oleh pihak masyarakat Muslim mengganggu hidup saya (min 2.53), Solat pada hari Jumaat menyebabkan kesesakan jalan raya (min 2.93), Saya suka tinggal di sekitar masjid (min 2.82), Saya suka membaca tentang Islam (min 2.88), Saya suka menonton ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di televisyen (min 2.74), Saya suka mendengar ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di radio (min 2.70), Saya suka mendengar ayat-ayat al-Quran di masjid (min 2.83) dan Masyarakat Islam suka memberikan bahan-bahan bacaan berkaitan Islam kepada saya (min 2.82).

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Bagi item 1 dan 2 berkenaan suara laungan azan dan ceramah yang dianjurkan oleh pihak Muslim, kedua-dua item ini kebanyakan responden tidak pasti dan tidak setuju bahawa item 1 dan 2 mengganggu kehidupan mereka. Hasil kajian ini bersamaan dengan kajian ‘Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan’ oleh Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2008) yang menunjukkan bahawa masyarakat *non-Muslim* yang tinggal berdekatan masjid tidak berasa terganggu dengan laungan azan, bacaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid. Malah, ada juga dalam kalangan mereka yang berpendapat sikap toleransi ini perlu dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Selain itu kajian Abd Hadi Borham et al. (2016) menyebut laungan azan di salah satu masjid pedalaman Pensiangan, Sabah telah menjadi perhatian *non-Muslim* (kaum Murut) dan mendorong mereka untuk melihat kegiatan orang Islam di masjid.

Manakala, bagi item 3 iaitu solat Jumaat menyebabkan kesesakan jalan raya, responden mempunyai pandangan yang berbeza. Ianya menunjukkan bahawa 30.2% tidak setuju, 26.8% tidak pasti dan 26.2% setuju bahawa solat Jumaat sememangnya menyesakkan jalan raya. Perbezaan peratus bagi setiap penerimaan responden juga tidak jauh antara satu sama lain.

Disebabkan oleh hal ini juga, terdapat pihak *non-Muslim* yang memuat naik di laman Facebook seterusnya tular ke laman-laman lain mencadangkan untuk umat Islam di Malaysia mendirikan solat Jumaat pada hari Sabtu. Namun Saiful Reza Saiful Azmi iaitu Ahli Jawatankuasa Parti Keadilan Rakyat (PKR), telah bertindak dengan membuat laporan polis serta menggesa Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengambil tindakan tegas terhadap individu tersebut. Selain itu, Amir Ghazali iaitu Ketua Cabangnya mengatakan bahawa pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memainkan peranan kerana bimbang isu ini boleh mencetuskan perpecahan (Utusan Online, 2018).

Item 4 berkenaan *non-Muslim* suka tinggal di sekitar masjid menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersikap tidak pasti (52.9%) dan tidak setuju (23.7%). Hal ini menunjukkan responden lebih memilih untuk tidak tinggal di sekitar masjid. Di dalam kajian Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2008) ada dinyatakan berkenaan terdapat beberapa aduan daripada masyarakat *non-Muslim* di Selangor yang mengemukakan kepada pihak berkuasa agama di negeri ini berkenaan perkara yang kurang menyenangkan mereka dengan masjid seperti mengganggu ketenteraman masyarakat awam.

Selain itu, item 5, 6, 7 dan 8 pula menyentuh berkenaan kecenderungan masyarakat *non-Muslim* untuk mengetahui berkenaan Islam dengan cara pembacaan, mendengar cerita daripada kawan-kawan Islam, menonton program agama atau mendengar program agama di radio. Berdasarkan hasil kajian di atas, kesemua item ini mendapat min yang sederhana kecuali item 6 yang mendapat min tinggi iaitu responden setuju bahawa mereka suka mendengar cerita berkenaan Islam daripada kawan-kawan Melayu. Selain daripada item 6, responden lebih cenderung kepada kurang minat untuk menonton dan mendengar program agama. Hal ini menunjukkan bahawa, individu Islam sendiri memainkan peranan penting dalam menyebarkan berkenaan agama Islam serta bertanggungjawab dalam memperbetulkan persepsi-persepsi negatif berkenaan Islam daripada kaca mata *non-Muslim*.

Seterusnya, item 9 berkenaan responden suka memakai pakaian orang Melayu dengan 40.6% bersetuju dengan kenyataan ini. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pemakaian pakaian orang Melayu oleh bukan Melayu di Malaysia bukanlah suatu perkara yang asing lagi. Namun begitu, pemakaian baju orang Melayu ini lebih banyak dipakai oleh wanita berbanding lelaki. Hal ini berkemungkinan kerana, pemakaian lengkap baju Melayu lebih rumit berbanding pemakaian baju kurung oleh wanita. Bagi sesetengah masyarakat *non-Muslim* di Malaysia, mereka lebih selesa memakai baju kurung ke pejabat-pejabat atau majlis-majlis rasmi. Garis panduan etika pemakaian di Malaysia juga menggalakkan baju batik iaitu baju kurung batik atau baju kebaya batik bagi wanita semasa menghadiri urusan rasmi di luar negara. Selain pekerja, sesetengah pelajar sekolah *non-Muslim* juga memilih untuk memakai baju kurung sebagai pakaian rasmi ke sekolah.

Item 10 iaitu penerimaan masyarakat *non-Muslim* terhadap pembelian binatang sembelihan orang Melayu dengan kebanyakannya tidak pasti (36.9%) dan bersetuju (33.8%) bahawa mereka suka membeli binatang sembelihan orang Melayu. Hal ini berkaitan dengan tahap pengetahuan masyarakat *non-Muslim* terhadap makanan halal di negara ini. Tahap pengetahuan mereka yang tinggi melahirkan kepercayaan untuk mereka membeli binatang sembelihan orang Melayu. Selain itu, item 11 pula berkenaan 'saya suka mendengar ayat-ayat al-Quran di masjid'. Hasil kajian menunjukkan responden bersikap tidak pasti (44%) dan tidak setuju (26.5%). Hal ini sejajar dengan hasil kajian oleh Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2008) iaitu responden yang terdiri daripada masyarakat *non-Muslim* bersikap neutral iaitu tidak

berasa terganggu (94.6%) terhadap bacaan ayat al-Quran di masjid namun tidak berminat (97.3%) untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih lanjut.

Bagi item 12 pula iaitu masyarakat Melayu menggambarkan imej Islam yang sebenar, kebanyakan responden tidak pasti (40.3%) dan setuju (35.4%). Item ini berkait rapat dengan persepsi masyarakat *non-Muslim* bahawa Melayu dan Islam itu sama. Responden yang tidak pasti berkemungkinan keliru disebabkan oleh pemerhatian mereka terhadap masyarakat Islam di Malaysia yang tidak menunjukkan sikap sebagai seorang Muslim yang sejati. Oleh disebabkan itu, di dalam Islam kita diajar bahawa sebagai seorang Islam, selain kita membawa maruah diri kita, kita juga membawa maruah agama kita bersama.

Seterusnya item 13 iaitu responden mengatakan bahawa mereka suka bergaul dengan masyarakat Melayu dengan 53.8%. Hal ini merupakan suatu perkara yang positif di mana responden tidak memilih untuk hanya bergaul dengan kaum sendiri sahaja, malah mereka suka untuk bergaul dengan masyarakat Melayu sebagai masyarakat dominan. Melalui pergaulan, sifat etnosentrism antara kaum akan berkurangan dan secara tidak langsung akan melahirkan persepsi yang positif terhadap kaum-kaum lain. Hal ini demikian kerana, hubungan interaksi antara kaum yang tinggi akan lebih memahami sesebuah kaum dengan budaya kaum lain yang berbeza.

Item 14 pula berkenaan sikap tolong-menolong orang Melayu terhadap *non-Muslim*. Kebanyakan responden bersetuju (46.2%) dengan kenyataan ini. Menurut pandangan pengkaji, secara umumnya masyarakat kita yang berbilang kaum ini tidak akan lari daripada saling memerlukan antara satu sama lain. Amalan tolong-menolong ini merupakan satu nilai murni yang sangat penting bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian negara ini. Tambahan pula, nilai saling tolong-menolong ini amatlah digalakkan di dalam Islam, seperti firman Allah s.w.t, di dalam surah al-Maidah ayat 2;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۚ

Maksudnya: "...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)."

Selain itu, bagi item 15 ianya menunjukkan bahawa responden tidak pasti (48.6%) dan tidak setuju (24.3%) bahawa masyarakat Islam suka memberikan bahan-bahan bacaan berkaitan Islam kepada mereka. Hal ini menunjukkan bahawa usaha dakwah daripada individu Muslim itu sendiri masih kurang. Menurut pandangan pengkaji pula, pemberian bahan-bahan bacaan Islam kepada golongan *non-Muslim* memerlukan suatu persiapan bagi individu Muslim itu dari sudut ilmu agama Islam itu sendiri dan ilmu berdakwah bagi menerangkan isi bahan tersebut disamping perlu menjaga sensitiviti agama semasa menerangkannya.

Manakala item 16 dan item 17 berkenaan kerjasama program antara masyarakat Muslim dengan *non-Muslim* dan penganjuran program berbentuk keagamaan untuk memberikan

kefahaman kepada *non-Muslim* tentang Islam. Hasil kedua-dua item ini menunjukkan bahawa responden bersikap tidak pasti dengan 38.8% dan 46.8%. Hal ini menunjukkan bahawa responden kurang cakna bahawa adanya program-program yang membentuk kerjasama antara masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini. Seperti contoh, wujudnya program-program dialog agama yang diadakan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat Islam dan *non-Muslim* mengenai agama masing-masing. Tambahan pula, program dialog antara agama memainkan peranan penting dalam kelangsungan keharmonian di negara ini (Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohamad Ramli dan Jaffary Awang, 2014).

Seterusnya, item 18 dan 19 menunjukkan bahawa responden suka cara orang Melayu mengadakan urusan jual beli dengan 49.2% bersetuju dan mereka juga tertarik dengan cara orang Melayu berinteraksi dengan *non-Muslim* (50.8%). Orang Melayu merupakan bangsa yang memandang berat terhadap nilai berbahasa. Dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, intisari nilai, sikap dan pandangan. Nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan Islam memandangkan Islam ialah alternatif beragama bagi orang Melayu. Nilai-nilai Islam ini membentuk peraturan sosial seterusnya membina disiplin sosial dan lahirlah hubungan sosial yang berkesan (Noriati A. Rashid, 2005).

KESIMPULAN

Tuntasnya, secara keseluruhan min bagi hasil kajian menunjukkan penerimaan *non-Muslim* terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat Islam adalah tinggi, namun jika diteliti kadar min hanyalah 3.09. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan masyarakat *non-Muslim* di Selangor, mendapat reaksi yang berbeza bagi setiap item yang diketengahkan. Secara keseluruhannya, item yang mendapat min yang sederhana ialah berkaitan dengan gangguan azan dan aktiviti ceramah di masjid yang berdekatan, kesesakan jalan raya disebabkan oleh solat Jumaat, tinggal di sekitar masjid, pembacaan tentang Islam, menonton atau mendengar ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di televisyen atau radio, mendengar ayat-ayat al-Quran di masjid dan masyarakat Islam memberikan bahan-bahan bacaan berkaitan Islam. Beberapa daripada perkara di atas hinggakan pernah mencetus isu-isu sensitiviti antara kaum, namun ianya masih berada dalam keadaan yang terkawal. Disebabkan Malaysia merupakan sebuah negara Islam dan mempunyai pelbagai latar belakang agama yang lain, setiap individu perlu memupuk sikap toleransi dan tidak bersikap individualistik dalam mendepani aktiviti-aktiviti sesebuah kelompok masyarakat di Malaysia. Dengan toleransi yang tinggi, masyarakat mudah untuk menerima sesuatu perkara dan memandang perkara tersebut dengan perspektif yang positif. Hasilnya, ketegangan antara kaum dan agama akan berkurangan dan keharmonian bumi Malaysia akan meningkat.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin, Faisal Ahmad Shah, Mariam Abd Majid & Mohd Makhi Adnan. (2008). Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 (2008): 109-119.
- Abd Hadi Borham. (2016). Metod Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Suku Kaum Masyarakat Murut di Pedalaman Sabah. *Al-Hikmah*, 8(2) 2016: 60-80.

- Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohamad Ramli & Jaffary Awang. (2014). Peranan dan Sumbangan JAKIM dalam Dialog antara Agama. *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 6 (Dec.) 2014: 26-36.
- Mohd Faridh Hafez Mhd Omar & Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy. (2018). Sumbangan Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan dan Cabaran PERKIM dan MACMA. Isu-isu Semasa Dakwah dan Golongan Minoriti. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15, 2005: 232-253.
- Nur Atiqah Mohd Yusuf. (2018). Persepsi Mahasiswa Non-Muslim Institut Pengajian Tinggi (IPT) Terhadap Pendekatan Dakwah. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Sharon Verghis. (2017). A non-Muslim in a Muslim country: How I remember Malaysia <https://www.sbs.com.au/topics/life/culture/article/2017/01/06/non-muslim-muslim-country-how-i-remember-malaysia>. 27/11/2018.
- Tan Nasrullah Zhong. (2018). Pendekatan Dakwah Pendakwah Muallaf Terhadap Golongan Bukan Islam. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Utusan Online. (2018). PKR buat laporan isu solat Jumaat ditukar pada hari Sabtu <http://www.utusan.com.my/berita/politik/okr-buat-laporan-isu-solat-jumaat-ditukar-pada-hari-sabtu-1.699756>. 26/11/2018.

TENTANG PENULIS

Syarul Azman Shaharuddin

Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan kini berkhidmat selaku ketua Bahagian Pembangunan Mahasiswa KUIS serta pensyarah kanan di Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian beliau kebanyakannya tertumpu dalam bidang dakwah seperti dakwah pengurusan dan kajian berkenaan muallaf.

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan kini beliau merupakan Timbalan Dekan Pembangunan Mahasiswa, Pusat Matrikulasi serta pensyarah kanan di Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian beliau kebanyakannya tertumpu dalam bidang dakwah seperti dakwah non Muslim, pendidikan dakwah muallaf, Islamisasi melalui dakwah di Filipina dan perbandingan agama Islam & Kristian.

Sahlawati Abu Bakar

Beliau adalah pensyarah di Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, FPPI, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian beliau kebanyakannya tertumpu dalam bidang Al-Quran dan Hadith.

Noor Amani Mohamed Hussin

Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Bidang kepakaran beliau adalah dakwah dan gerakan wanita.

Normazlina Ismail

Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Bidang kepakaran beliau adalah dakwah dan kaunseling serta komunikasi media massa.

Nursabila Ramli

Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Bidang kepakaran beliau adalah dakwah dan komunikasi penyiaran serta penerbitan.

Nurhazzyah Nural Anuar

Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Dakwah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Bidang kepakaran beliau adalah dakwah dan komunikasi.

Siti Khaulah Binti Mohd Hamzah

Beliau merupakan lepasan dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Komunikasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.